



KENYATAAN MEDIA
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
19 APRIL 2026 / 1 ZULKAEDAH 1447H

JIM BERKAS SUSPEK KELARIAN PENJARA SUNGAI BULOH

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) pada 18 April 2026, jam 5.00 petang telah berjaya menangkap satu (1) lelaki warganegara Pakistan yang dipercayai merupakan suspek kelarian daripada Penjara Sungai Buloh. Tangkapan ini dilaksanakan oleh, sepasukan pegawai pelbagai pangkat dari Bahagian Perisikan dan Operasi Khas, Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia.

Hasil risikan selama enam (6) hari serta perkongsian maklumat perisikan daripada Kedutaan Pakistan, pasukan operasi telah melaksanakan gerakan mengesan dan menjejaki suspek di lokasi yang dipercayai menjadi tempat persembunyiannya. Setibanya di KM 24, Batu 14, Jalan Gombak Lama, 53100 Jalan Gombak Selangor, pasukan operasi berjaya mengesan suspek. Hasil pemeriksaan mendapati suspek gagal mengemukakan sebarang dokumen pengenalan diri yang sah. Semasa kejadian, suspek cuba melarikan diri, namun berjaya digagalkan oleh pasukan operasi.

Siasatan awal seterusnya mendapati suspek mengaku telah melarikan diri ketika turun daripada trak polis. Sepanjang tempoh tujuh (7) hari meloloskan diri, suspek mengaku bersembunyi di dalam hutan di sekitar kawasan tapak pembinaan pada waktu siang, manakala menyelinap masuk ke dalam tapak pembinaan pada waktu malam untuk berlindung dan bermalam berikutan risiko keselamatan dan ancaman binatang buas. Selain itu bagi mengelak dikesan oleh pihak berkuasa, suspek memakai pakaian yang dicuri daripada kawasan pembinaan.

Hasil semakan sistem Jabatan, suspek tiba di negara ini pada 11 Januari 2025 melalui pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan diberi kemudahan Pas Lawatan Sosial selama 30 hari. Proses temubual dan pengecaman oleh wakil Kedutaan Pakistan pada hari yang sama juga telah mengesahkan suspek merupakan warganegara Pakistan yang meloloskan diri daripada tahanan polis pada 9 April 2026. Suspek disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan ditahan di Depot Imigresen bagi tujuan tindakan lanjut.

Jabatan Imigresen Malaysia akan terus melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan bagi mengesan, menangkap, mendakwa serta mengusir warganegara asing yang melanggar undang-undang negara di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Sehubungan itu, orang ramai diingatkan agar tidak melindungi atau menggaji Pendatang Tanpa Izin (PATI) kerana tindakan tegas boleh diambil di bawah undang-undang sedia ada. Orang awam yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan PATI atau aktiviti yang melanggar undang-undang imigresen diminta untuk tampil menyalurkan maklumat bagi membantu pihak jabatan.

#TAMAT#

**DATO' ZAKARIA BIN SHAABAN
KETUA PENGARAH IMIGRESEN
MALAYSIA**